

Rujukan : UKM HTM. 3/224/2/4

Tarikh : 20 Februari 2026

SURAT EDARAN KEWANGAN BIL. 2/2026

Ketua/ Pengurus
Jabatan/ Pusat/ Bahagian/ Unit
Hospital Canselor Tuanku Muhriz

YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan,

LARANGAN PENGGUNAAN BORANG DI KLINIK/ WAD/ PUSAT YANG MEMAPARKAN MAKLUMAT KADAR CAJ RAWATAN/ PROSEDUR/ PERKHIDMATAN

Dengan hormatnya, saya merujuk perkara di atas.

2. Semakan Jabatan Kewangan, HCTM mendapati terdapat penggunaan borang caj rawatan/ prosedur/ perkhidmatan di Klinik/ Wad/ Pusat yang memaparkan maklumat harga bagi tujuan pengenaan caj kepada pesakit.
3. Sehubungan dengan itu, adalah dimaklumkan bahawa penggunaan sebarang borang atau paparan yang menyatakan kadar caj adalah **DILARANG** kerana kadar caj rawatan/ prosedur/ perkhidmatan adalah tertakluk kepada perubahan dari semasa ke semasa selaras dengan kadar caj yang diluluskan oleh Jawatankuasa Pelulus.
4. Larangan ini juga bertujuan untuk mengelakkan kekeliruan serta mengurangkan risiko kesilapan serta pertikaian daripada pesakit sekiranya terdapat perbezaan antara kadar caj yang dipaparkan pada borang dan kadar caj yang didaftarkan dalam sistem kewangan. Untuk makluman YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan, kadar caj yang didaftarkan dalam sistem kewangan adalah terkini dan selaras dengan kelulusan serta peraturan yang berkuatkuasa.



BAHAGIAN HASIL, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat Bawah, Lobi Utama, Blok Klinikal, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel.: +603-9145 5228/ 5234/ 5233/ 5230 / 5232 E-mel: hasilkew@hctm.ukm.edu.my Web: www.hctm.ukm.my/kewangan

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my

5. Justeru itu, mohon kerjasama YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan memastikan :-

- a) Borang-borang yang digunakan adalah **borang tanpa ada menyatakan kadar caj**; dan
- b) Borang fizikal atau paparan sedia ada yang menyatakan maklumat kadar caj di Klinik/ Wad/ Pusat **hendaklah ditarik balik dan dilupuskan dengan kadar segera**.

6. Pelaksanaan larangan ini berkuatkuasa pada **3 Mac 2026 (Selasa)** dan Klinik/ Wad/ Pusat bertanggungjawab sepenuhnya untuk memastikan perubahan ini dilaksanakan. Sukacita YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dapat memaklumkan perkara ini kepada kakitangan di bawah seliaan.

Sekian, kerjasama dan perhatian YBhg. Prof./ Dato' Sri/ Datuk/ Dato'/ Datin/ Tuan/ Puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan terima kasih.

Yang benar,

WAN OMI BINTI HJ. WAN YUSSOP C.A (M)

Ketua

Jabatan Kewangan

Hospital Canselor Tuanku Muhriz

s.k. - **YBhg. Dato' Dr. Azmi bin Baharudin**
Pengarah, Hospital Canselor Tuanku Muhriz



BAHAGIAN HASIL, JABATAN KEWANGAN
HOSPITAL CANSELOR TUANKU MUHRIZ, UNIVERSITI KEBANGSAAN MALAYSIA
Tingkat Bawah, Lobi Utama, Blok Klinikal, Jalan Yaacob Latif, Bandar Tun Razak, 56000 Cheras, Kuala Lumpur
Tel.: +603-9145 5228/ 5234/ 5233/ 5230 / 5232 E-mel: hasiljke@ppukm.ukm.edu.my Web: www.hctm.ukm.my/kewangan

ILMU, MUTU DAN BUDI

www.ukm.my